

Kerajaan bimbang madrasah, taman asuhan semai keganasan

BH 26 JAN 2002

Oleh Kadri Dikoh dan Rahman Hashim

MELAKA, Jumaat – Kerajaan bimbang madrasah dan taman asuhan kanak-kanak mungkin dijadikan pusat menyemai pemikiran yang mendorong kepada kegiatan keganasan di negara ini ketika peringkat usia muda.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan juga khuatir kecenderungan ibu bapa menghantar anak mereka belajar di Pakistan serta tempat lain atas alasan belajar agama.

Perdana Menteri berkata, ini kerana ada kanak-kanak yang belajar di Madrasah di Pakistan mengaku tidak belajar agama sebaliknya bagaimana memberontak dan menjatuhkan kerajaan.

“Sebab itu, dalam satu temu ramah, seorang budak di Madrasah (Pakistan) bila ditanya nak jadi apa apabila besar, dia kata nak jadi *holy warrior*, nak jadi mujahidin. Maknanya, mereka bukan belajar agama.

“Jadi sekarang kita khuatir mereka yang hantar anak ke Pakistan dan tempat lain. Apakah mereka belajar agama atau belar-

jar lain. Mereka ini balik setelah berhubung dengan Taliban dan al-Qaeda. Mereka dilatih mengenai perang gerila, penggunaan bom, bagaimana nak curi senjata.

“Semua ini dilatih di sana dan mereka balik sini, mereka cuba membuat cara-cara itu. Sebab itu kita dapat tahu bahawa pembunuhan (Dr Joe) Fernandez dilakukan mereka, mereka cuba samun senjata di Balai Polis Guar Cempedak (Kedah) dan samun bank untuk biayai perbelanjaan mereka,” katanya selepas merasmikan sambutan Hari Kastam Sedunia ke-20 di Akademi Kastam Diraja Melaka, Bukit Baru di sini, hari ini.

Dr Mahathir menjawab soalan pemberita mengenai tangkapan terbaru 10 lagi anggota sayap kedua Kumpulan Militan Malaysia (KMM), menjadikan jumlahnya 23 orang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA). Sekurang-kurangnya 200 lagi anggota kumpulan itu masih diburu.

Ditanya kemungkinan madrasah dan taman didikan kanak-kanak dijadi-

kan pusat latihan awal kegiatan keganasan, Dr Mahathir berkata, ia sudah kelihatan walaupun belum sampai ke tahap itu.

“Tetapi nampak jelas ada yang berminat... nampak jelas sekolah agama cuba bangkitkan kebencian kepada kerajaan. Ini permulaan. Bila dah benci sangat, dia ajar bagaimana nak jatuhkan kerajaan secara kekerasan.

“Ini yang berlaku di Pakistan, Afghanistan. Dulu Afghanistan diperintah oleh kumpulan Rabanni, tetapi puak ini dijatuhkan. Dia orang anggap, semua kerajaan negara Islam sebagai tidak Islam. Jadi mereka bercadang jatuhkan semua kerajaan negara Islam,” katanya.

Mengenai laporan dari Washington yang menyatakan Amerika Syarikat kini memberi perhatian kepada Asia Tenggara sebagai pusat latihan al-Qaeda selepas Afghanistan berikutan ramal anggota KMM ditangkap di Malaysia dan Singapura, beliau berkata, Malaysia tetap memerangi kegiatan itu.

Bagaimanapun katanya, tangkapan terhadap anggota KMM tidak akan menjejaskan ekonomi negara

rusi dan Setiausaha Biro Latihan Umno bahagian di Ayer Keroh di sini, Dr Mahathir mengingatkan anggota parti supaya mengutamakan kepentingan parti dalam perjuangan mereka,

bukannya untuk mendapatkan tempat atau jawatan tertentu.

Beliau berkata, jawatan dalam Umno bukan untuk memberi tempat kepada individu tertentu tetapi di-

wujudkan bagi menguatkan parti.

Kursus tiga hari bermula semalam dihadiri kira-kira 320 pengerusi dan setiausaha dari 165 bahagian Umno.

serta rantau ini dan pelabur akan tetap datang kerana ketegasan kerajaan bertindak terhadap keganasan.

Sementara itu, berucap merasmikan kursus Penge-